



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

**MAKLUMBALAS MENGENAI KEBANJIRAN IKAN
BANDARAYA MENJEJASKAN EKOSISTEM
SUNGAI TEMPATAN**

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ingin memberikan maklumbalas terhadap laporan sebuah portal berita atas talian (*online*) baru-baru ini mengenai kebimbangan pencinta alam sekitar mengenai kehadiran spesies “ikan bandaraya” yang menjelaskan ekosistem sungai.
2. Ikan bandaraya yang dikenali sebagai *Amazon Sailin Catfish* atau nama saintifiknya *Pterygoplichthys pardalis* banyak didapati di beberapa sungai di Malaysia. Kesan jangka pendek dan jangka panjang dijangka berlaku jika aktiviti ini tidak dihentikan dan dikawal. Antaranya akan menyebabkan kerosakan habitat perikanan, persekitaran akuatik dan biodiversiti ikan air tawar di Malaysia.
3. DOF menyarankan orang ramai agar tidak melepaskan atau membuang spesies ikan asing ke perairan umum. Ini bagi mengelakkan kesan daripada aktiviti tersebut yang boleh menjejaskan biodiversiti spesies ikan tempatan.
4. Ikan ini didapati akan mengorek dasar sungai atau tebing yang menyebabkan kesan seperi air keruh, tebing sungai runtuh dan gangguan keseimbangan persekitaran akuatik. Keadaan ini berlaku semasa ikan mencari makanan dan juga semasa menjalani proses pembiakan.

5. Ikan ini juga didapati memakan tumbuhan akuatik yang diperlukan bagi beberapa spesies ikan air tawar untuk habitat pembiakannya. Selain itu ikan ini berperanan sebagai pemangsa kepada larva ikan-ikan di habitat berkenaan dan pastinya akan menjejaskan kelestarian populasi ikan tempatan.

6. Peningkatan populasi ikan ini juga memberi impak negatif kepada perikanan darat antaranya menjejaskan pendapatan nelayan sungai dengan penurunan stok ikan disebabkan oleh gangguan habitat dan pemangsaan. Beberapa laporan kebanjiran ikan ini telah menyebabkan kerugian kepada nelayan sungai seperti menyebabkan kerosakan pukat, tambahan masa bagi membuang ikan semasa aktiviti tangkapan ikan dijalankan dan tambahan kos disebabkan nilai usaha-usaha yang lain.

7. DOF menyeru kepada semua pihak yang terlibat bagi tujuan pelepasan ikan ini menghubungi pihak Jabatan bagi mendapat nasihat selanjutnya. Sehubungan dengan itu DOF mencadangkan pindaan Keadah-kaedah Peraturan Perikanan (sungai) bagi mengelakkan keadaan yang berterusan dan bagi menjamin kelestarian sumber perikanan darat terpelihara.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

15 Januari 2019 (Selasa) jam 1.00 petang

Sebarang pertanyaan sila hubungi:-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)
013-631 7313 (Sharir)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my